



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK GUNA TENAGA EMPLOYMENT STATISTICS

SUKU TAHUN KEEMPAT 2025
FOURTH QUARTER 2025

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung **dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.*

***Malaysia** has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.*

***OpenDOSM NextGen** is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh/*Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook/Twitter/Instagram : StatsMalaysia
E-mel/*Email* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/*general enquiries*)
: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/*data request & enquiries*)

Harga/*Price* : RM20.00

Diterbitkan pada Februari 2026/*Published in February 2026*

Hak cipta terpelihara/*All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari penerbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from the Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2636-9362



Penerbitan ini membentangkan statistik guna tenaga pada suku tahun keempat 2025 dari perspektif permintaan buruh di Malaysia bagi keseluruhan sektor ekonomi. Statistik yang dibentangkan diperoleh daripada data Survei Guna Tenaga Suku Tahunan. Survei ini dilaksanakan ke atas pertubuhan formal dalam sektor swasta menggunakan pensampelan berkebarangkalian. Penyusunan statistik ini adalah berdasarkan rangka kerja dan garis panduan yang disyorkan oleh *International Labour Organization* dan amalan terbaik organisasi statistik negara lain.

Statistik yang dilapor dalam penerbitan ini adalah jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan. Penerbitan ini juga melaporkan statistik tahunan (2022 - 2025) dan suku tahunan (ST1 2022 - ST4 2025). Statistik ini dilaporkan mengikut lima sektor utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan, dengan pecahan subsektor bagi sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, dibahagikan kepada subsektor mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Versi 1.0. Penerbitan ini turut memaparkan statistik guna tenaga mengikut kemahiran.

Statistik guna tenaga merupakan maklumat penting yang digunakan oleh kerajaan untuk tujuan menganalisis situasi pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program berkaitan pembangunan modal insan. Statistik ini juga dapat digunakan oleh ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan para pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama melaporkan penemuan utama survei manakala jadual statistik terperinci adalah di bahagian kedua. Aspek teknikal seperti skop dan liputan, konsep, definisi dan metodologi disediakan di bahagian ketiga bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada responden dan semua pihak yang menyumbang kepada pelaksanaan survei dan penyediaan penerbitan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Februari 2026



This publication presents the employment statistics for the fourth quarter of 2025 from the perspective of labour demand in Malaysia for the whole economic sectors. These statistics are based on the Quarterly Employment Survey which is conducted on formal private sector establishments using probability sampling. The statistics are compiled based on the framework and guidelines recommended by the International Labour Organization and best practices of other national statistical offices.

The statistics reported in this publications are jobs, filled jobs, vacancies and jobs created. This publication also reported annually (2022 - 2025) and quarterly statistics (Q1 2022 - Q4 2025). These statistics are reported by five main economic sectors namely Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services, with breakdown of sub-sectors for Manufacturing and Services sectors, classified according to Malaysia Standard Industrial Classification 2008 Version 1.0. This publication also consists of employment statistics by skill.

The employment statistics are important information used by the government for the purpose of analysing the labour market situation, policy formulation as well as planning, implementing and monitoring of programmes related to human capital development. These statistics can also be used by academicians, economists, researchers and other users for the studies related to the labour market.

This publication is divided into three sections. The first section presents the main findings of the survey while detailed statistical tables are in the second section. The technical aspects such as scope and coverage, concepts, definitions and methodology are provided in the third section to facilitate users' understanding of the published statistics.

The Department of Statistics Malaysia gratefully wishes the utmost appreciation towards the respondents and all parties involved in the survey and preparation of this publication. Feedbacks and suggestions towards the improvement of future publications are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

February 2026





	Muka Surat <i>Page</i>
Kata Pengantar <i>Preface</i>	iii
Kandungan <i>Contents</i>	v
01 Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	1
02 Jadual <i>Tables</i>	25
1.1a Statistik Guna Tenaga Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025 <i>Annual Employment Statistics by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	27
1.1b Statistik Guna Tenaga Tahunan mengikut Kemahiran, 2022 - 2025 <i>Annual Employment Statistics by Skill, 2022 - 2025</i>	28
1.1c Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan, 2022 - 2025 <i>Rate of Filled Jobs and Rate of Vacancies, 2022 - 2025</i>	29
1.2a Statistik Guna Tenaga Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Employment Statistics by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	30
1.2b Statistik Guna Tenaga Suku Tahunan mengikut Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Employment Statistics by Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	32
1.2c Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Rate of Filled Jobs and Rate of Vacancies, Q1 2022 - Q4 2025</i>	34
2.1a Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025 <i>Annual Jobs by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	36
2.1b Peratus Sumbangan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025 <i>Annual Percentage Share of Jobs by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	37
2.2a Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Jobs by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	38
2.2b Peratus Sumbangan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Percentage Share of Jobs by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	40
2.3a Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025 <i>Annual Jobs by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	42
2.3b Peratus Sumbangan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025 <i>Annual Percentage Share of Jobs by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	45



2.4a	Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025	48
	<i>Quarterly Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	
2.4b	Peratus Sumbangan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025	56
	<i>Quarterly Percentage Share of Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	
3.1a	Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025	64
	<i>Annual Filled Jobs by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	
3.1b	Peratus Sumbangan Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025	65
	<i>Annual Percentage Share of Filled Jobs by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	
3.2a	Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025	66
	<i>Quarterly Filled Jobs by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	
3.2b	Peratus Sumbangan Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025	68
	<i>Quarterly Percentage Share of Filled Jobs by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	
3.3a	Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025	70
	<i>Annual Filled Jobs by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	
3.3b	Peratus Sumbangan Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025	73
	<i>Annual Percentage Share of Filled Jobs by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	
3.3c	Kadar Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025	76
	<i>Annual Rate of Filled Jobs by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	
3.4a	Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025	80
	<i>Quarterly Filled Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	
3.4b	Peratus Sumbangan Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025	88
	<i>Quarterly Percentage Share of Filled Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	
3.4c	Kadar Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025	96
	<i>Quarterly Rate of Filled Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	
4.1a	Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025	104
	<i>Annual Vacancies by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	
4.1b	Peratus Sumbangan Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025	105
	<i>Annual Percentage Share of Vacancies by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	
4.2a	Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025	106
	<i>Quarterly Vacancies by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	
4.2b	Peratus Sumbangan Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025	108
	<i>Quarterly Percentage Share of Vacancies by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	



4.3a	Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025 <i>Annual Vacancies by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	110
4.3b	Peratus Sumbangan Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025 <i>Annual Percentage Share of Vacancies by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	113
4.3c	Kadar Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025 <i>Annual Rate of Vacancies by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	116
4.4a	Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Vacancies by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	120
4.4b	Peratus Sumbangan Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Percentage Share of Vacancies by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	128
4.4c	Kadar Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Rate of Vacancies by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	136
5.1a	Pewujudan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025 <i>Annual Jobs Created by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	144
5.1b	Peratus Sumbangan Pewujudan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2022 - 2025 <i>Annual Percentage Share of Jobs Created by Economic Activity, 2022 - 2025</i>	145
5.2a	Pewujudan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Jobs Created by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	146
5.2b	Peratus Sumbangan Pewujudan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Percentage Share of Jobs Created by Economic Activity, Q1 2022 - Q4 2025</i>	148
5.3a	Pewujudan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025 <i>Annual Jobs Created by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	150
5.3b	Peratus Sumbangan Pewujudan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2022 - 2025 <i>Annual Percentage Share of Jobs Created by Economic Activity and Skill, 2022 - 2025</i>	153
5.4a	Pewujudan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Jobs Created by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	156
5.4b	Peratus Sumbangan Pewujudan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST4 2025 <i>Quarterly Percentage Share of Jobs Created by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q4 2025</i>	164
03	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	173

RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU KEEMPAT 2025

9.21 juta
jawatan dalam
sektor ekonomi




Jawatan Diisi
97.8%



Kekosongan
2.2%

Jawatan (juta) Perubahan tahun ke tahun (%)


Jumlah jawatan meningkat sebanyak 1.8 peratus atau bersamaan **160.2 ribu** tahun ke tahun.




62.2% jawatan di kategori
separuh mahir

Kategori separuh mahir adalah penyumbang terbesar jawatan dengan peratus sumbangan sebanyak 62.2 peratus atau bersamaan dengan 5.73 juta jawatan.


9.21 juta
Jawatan




9.02 juta
Jawatan Diisi



198.1 ribu
Kekosongan







32.1 ribu
Pewujudan Jawatan



Mahir (%) Separuh Mahir (%) Berkemahiran Rendah (%)

4.82 juta
jawatan tertumpu
pada sektor
Perkhidmatan

Jumlah jawatan tertinggi dalam sektor Perkhidmatan dicatatkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit dengan sejumlah 1.81 juta jawatan.



● Jawatan ('000)
● Jawatan Diisi ('000)
● Kekosongan ('000)
● Pewujudan Jawatan ('000)
● Kadar Jawatan Diisi (%)
● Kadar Kekosongan (%)

Jawatan	Jawatan Diisi	Kekosongan	Pewujudan Jawatan
Jumlah buruh yang merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.	Pekerja bergaji (sepenuh masa & sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji & pekerja yang bercuti tanpa gaji.	Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga dengan memilih calon bagi mengisi kekosongan.	Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza dengan jumlah kerana pembundaran secara berasingan.

Sumber: Statistik Guna Tenaga, Suku Keempat 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia






KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU KEEMPAT 2025


PEWUJUDAN JAWATAN

SUKU KEEMPAT 2025

32.1 ribu pewujudan jawatan pada ST4 2025



8.1 ribu jawatan kategori mahir diwujudkan pada ST4 2025



Sektor Perkhidmatan mencatatkan bilangan pewujudan jawatan tertinggi pada ST4 2025



Komposisi mengikut kemahiran, ST4 2025



2025

Komposisi mengikut kemahiran, 2025



129.6 ribu pewujudan jawatan pada 2025



Jawatan	Jawatan Diisi	Kekosongan	Pewujudan Jawatan
Jumlah buruh yang merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.	Pekerja bergaji (sepenuh masa & sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji & pekerja yang bercuti tanpa gaji.	Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.	Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza dengan jumlah kerana pembundaran secara berasingan. Sumber: Statistik Guna Tenaga, Suku Keempat 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

@StatsMalaysia

BANI 26
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI
keesejahteraan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN
DI DUNIA

20 Oktober
2016 - 2030





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

EMPLOYMENT STATISTICS, FOURTH QUARTER 2025

9.21 million jobs in economic sector

Total jobs increased 1.8 per cent or equivalent to **160.2 thousand** year-on-year.




Filled Jobs
97.8%



Vacancies
2.2%

Jobs (million) Year-on-year change (%)




62.2% of jobs were in semi-skilled category

The semi-skilled category contributed the largest share of jobs with 62.2 per cent or equivalent to 5.73 million jobs.


4.82 million jobs were concentrated in Services sector

The highest number of jobs in Services sector was recorded by the Wholesale & retail trade sub-sector with a total of 1.81 million jobs.


9.21 million Jobs




9.02 million Filled Jobs



198.1 thousand Vacancies




32.1 thousand Jobs Created




Skilled (%) Semi-skilled (%) Low-skilled (%)


Agriculture




Mining & Quarrying




Manufacturing



Construction



Services



Jobs ('000)
Filled Jobs ('000)
Vacancies ('000)
Jobs Created ('000)
Rate of Filled Jobs (%)
Rate of Vacancies (%)

Jobs

Total labour which comprised of filled jobs and vacancies.

Filled Jobs

Paid employees (full-time & part-time); and thus exclude individual proprietors and business partners, unpaid family workers & employees on unpaid leave.

Vacancies

Unfilled jobs which are ready to be filled. Employers are actively seeking candidates including advertising vacancies, issuing notices and registering with employment agencies as well as conducting interviews to select candidates to fill in the vacancies.

Jobs Created

Jobs created in an organisation which were not previously available, including newly created service schemes, jobs created for the promotion of existing employees and increase in the number of jobs from the existing structure.

Notes: The sum may differ from total due to independent rounding.

Source: Employment Statistics, Fourth Quarter of 2025, Department of Statistics Malaysia (DOSM)






MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

EMPLOYMENT STATISTICS, FOURTH QUARTER 2025


JOBS CREATED

FOURTH QUARTER 2025


32.1 thousand jobs created in Q4 2025



8.1 thousand skilled jobs were created in Q4 2025



Services Sector recorded the highest number of jobs created in Q4 2025



Share by skills, Q4 2025



2025

Share by skills, 2025



129.6 thousand jobs created in 2025



Jobs	Filled Jobs	Vacancies	Jobs Created
Total labour which comprised of filled jobs and vacancies.	Paid employees (full-time & part-time); and thus exclude individual proprietors and business partners, unpaid family workers & employees on unpaid leave.	Unfilled jobs which are ready to be filled. Employers are actively seeking candidates including advertising vacancies, issuing notices and registering with employment agencies as well as conducting interviews to select candidates to fill in the vacancies.	Jobs created in an organisation which were not previously available, including newly created service schemes, jobs created for the promotion of existing employees and increase in the number of jobs from the existing structure.

Notes: The sum may differ from total due to independent rounding.

Source: Employment Statistics, Fourth Quarter of 2025, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



Ringkasan Penemuan/Summary of Findings

Jadual/Tables

Nota Teknikal/Technical Notes



Pengenalan

Penerbitan ini memaparkan statistik permintaan buruh yang diperoleh daripada Survei Guna Tenaga Suku Tahunan yang dilaksanakan ke atas syarikat perniagaan sektor swasta yang berdaftar, meliputi aktiviti utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Statistik utama guna tenaga yang dibentangkan dalam penerbitan ini adalah jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi dan kategori kemahiran.

Konsep & Definisi


Permintaan buruh merujuk kepada jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu. Permintaan buruh oleh pertubuhan dikelaskan kepada jawatan diisi dan kekosongan jawatan. Konsep dan definisi statistik permintaan buruh dalam penerbitan ini adalah seperti berikut:



Perincian bagi konsep dan definisi boleh dirujuk di nota teknikal pada muka surat 174 laporan ini.


Permintaan Buruh di Malaysia

Carta 1: Jawatan, Jawatan Diisi dan Kekosongan, ST1 2022 - ST4 2025



Pada suku keempat 2025, sektor ekonomi di Malaysia terus mengekalkan pertumbuhan yang stabil dengan bilangan jawatan meningkat sebanyak 1.8 peratus tahun ke tahun kepada 9,214 ribu jawatan, menunjukkan pertambahan sebanyak 160 ribu jawatan (ST4 2024: 9,054 ribu jawatan). Secara suku tahunan, bilangan jawatan telah mencatat peningkatan sebanyak 0.6 peratus, meningkat dari 9,163 ribu jawatan pada ST3 2025. Seterusnya, kadar jawatan diisi terus kekal pada 97.8 peratus bersamaan dengan 9,016 ribu jawatan diisi. Begitu juga, kadar kekosongan jawatan adalah 2.2 peratus, mewakili 198 ribu kekosongan [Carta 1].


Carta 2: Pewujudan Jawatan, ST1 2022 - ST4 2025



Bilangan pewujudan jawatan meningkat sebanyak 2.2 peratus tahun ke tahun merekodkan 32.1 ribu jawatan (ST4 2024; 31.5 ribu). Sebaliknya, pewujudan jawatan menurun secara marginal sebanyak 0.5 peratus secara suku tahunan, menurun daripada 32.3 ribu jawatan pada ST3 2025 [Carta 2].

Permintaan Buruh, Suku Tahun Keempat 2025


Paparan 1: Permintaan Buruh, ST4 2024 & ST4 2025



Analisis keseluruhan permintaan buruh pada ST4 2025, semua sektor menyumbang secara positif kepada keseluruhan pertumbuhan jawatan. Jumlah jawatan yang merangkumi jawatan diisi dan kekosongan adalah sebanyak 9,214 ribu jawatan (ST4 2024: 9,054 ribu). Bilangan jawatan diisi adalah sebanyak 9,016 ribu dengan kadar 97.8 peratus, meningkat sebanyak 1.8 peratus secara tahunan (ST4 2024: 8,861 ribu). Pada masa yang sama, kadar kekosongan adalah 2.2 peratus bersamaan dengan 198.1 ribu kekosongan jawatan, meningkat daripada 193.6 ribu pada ST4 2024. Sejalan dengan perkembangan indikator ini, pewujudan jawatan turut berkembang sebanyak 2.2 peratus tahun ke tahun, mencecah 32.1 ribu jawatan [Paparan 1].

Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran

Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran, ST4 2024 & ST4 2025



Seksyen ini memperincikan komposisi dan prestasi jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran pada ST4 2025.

Kategori mahir merekodkan 2,323 ribu jawatan, menunjukkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus secara tahunan berbanding dengan 2,266 ribu jawatan pada ST4 2024. Dengan kadar 97.9 peratus, bilangan jawatan diisi mencatatkan 2,274 ribu, manakala 2.1 peratus selebihnya mewakili kadar kekosongan dengan 48.7 ribu kekosongan untuk kategori ini. Jumlah pewujudan jawatan mencatatkan penurunan sebanyak 4.4 peratus tahun ke tahun, merangkumi 8.1 ribu pewujudan jawatan (ST4 2024: 8.4 ribu).


Manakala, **kategori separuh mahir** mendominasi bilangan jawatan dengan 5,733 ribu, peningkatan sebanyak 1.3 peratus tahun ke tahun. Sejumlah 98.1 peratus yang bersamaan dengan 5,621 ribu jawatan telah diisi dan 1.9 peratus (111.3 ribu) selebihnya adalah kekosongan jawatan bagi kategori ini. Selain itu, pewujudan jawatan untuk kategori ini meningkat sebanyak 5.2 peratus, bersamaan dengan 20.7 ribu pewujudan jawatan (ST4 2024: 19.7 ribu).

Bagi **kategori berkemahiran rendah**, bilangan jawatan meningkat sebanyak 2.6 peratus, mencatatkan 1,159 ribu jawatan untuk suku tahun ini (ST4 2024: 1,129 ribu). Kadar jawatan diisi adalah 96.7 peratus dengan 1,120 ribu jawatan diisi. Seterusnya, kadar kekosongan adalah 3.3 peratus yang bersamaan dengan 38.2 ribu kekosongan. Pewujudan jawatan bagi kategori ini adalah 3.4 ribu, meningkat sebanyak 0.9 peratus secara tahunan (ST4 2024: 3.3 ribu).

Selain itu, mengikut kategori kemahiran, taburan permintaan buruh didominasi oleh kategori separuh mahir yang merangkumi lebih separuh daripada keseluruhan indikator, diikuti oleh kategori mahir dan berkemahiran rendah. Kategori separuh mahir mewakili 62.2 peratus daripada jumlah jawatan, 62.3 peratus jawatan diisi, 56.2 peratus kekosongan dan 64.5 peratus pewujudan jawatan. Kategori mahir merupakan penyumbang kedua terbesar dengan 25.2 peratus jumlah jawatan, 25.3 peratus jawatan diisi, 24.6 peratus kekosongan dan 25.1 peratus pewujudan jawatan. Kategori berkemahiran rendah merekodkan peratus sumbangan terendah, menyumbang kepada 12.6 peratus jawatan, 12.4 peratus jawatan diisi, 19.2 peratus kekosongan dan 10.4 peratus pewujudan jawatan **[Paparan 2]**.

Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi

Paparan 3: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST4 2025




Analisis terhadap permintaan buruh mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan mendahului dengan sumbangan tertinggi bagi jumlah **jawatan**, mewakili 52.3 peratus (4,816 ribu), diikuti oleh Pembuatan sebanyak 27.5 peratus (2,538 ribu). Sektor Pembinaan menyumbang 13.9 peratus (1,277 ribu) jawatan, manakala Pertanian merangkumi 5.5 peratus (502 ribu) jawatan. Sektor Perlombongan & Pengkuarian merekodkan sumbangan terendah sebanyak 0.8 peratus (81 ribu).

Demikian juga, sektor Perkhidmatan terus mendahului **jawatan diisi** dengan 53.1 peratus (4,791 ribu), diikuti oleh Pembuatan dan Pembinaan masing-masing dengan 26.9 peratus (2,422 ribu) dan 13.9 peratus (1,252 ribu) jawatan diisi. Sektor Pertanian merangkumi 5.2 peratus (470 ribu) jawatan diisi, manakala Perlombongan dan Pengkuarian pada 0.9 peratus dengan 80 ribu jawatan diisi.

Sumbangan terbesar **kekosongan jawatan** dicatat oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 115.8 ribu kekosongan (58.4%) dan kekal sebagai penyumbang utama kepada permintaan buruh. Sektor Pertanian merekodkan 16.2 peratus (32.0 ribu) kekosongan, diikuti oleh Perkhidmatan (12.6%; 25.0 ribu) dan Pembinaan (12.5%; 24.8 ribu). Sektor Perlombongan & Pengkuarian merangkumi sejumlah 0.3 peratus (0.6 ribu) kekosongan.


Selain itu, sektor Perkhidmatan sekali lagi merekodkan sumbangan tertinggi dalam **pewujudan jawatan** pada suku ini merangkumi 47.9 peratus (15.4 ribu), manakala Pembuatan dengan 37.7 peratus (12.1 ribu) diikuti dengan Pembinaan (9.6%; 3.1 ribu), Pertanian (4.2%; 1.4 ribu) dan Perlombongan & Pengkuarian (0.6%; 0.2 ribu) [Paparan 3].

Paparan 4: Permintaan Buruh Sektor Pertanian, ST4 2024 & ST4 2025





Bilangan jawatan dalam sektor **Pertanian** menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.2 peratus tahun ke tahun, dengan sejumlah 502 ribu jawatan pada ST4 2025. Sementara itu, bilangan jawatan diisi juga meningkat secara marginal sebanyak 0.1 peratus kepada 470 ribu, menunjukkan kadar jawatan diisi sebanyak 93.6 peratus. Kekosongan jawatan meningkat sebanyak 0.4 peratus secara tahunan, mencatatkan 32.0 ribu kekosongan pada ST4 2025 (ST2024: 31.9 ribu). Sejumlah 1.4 ribu pewujudan jawatan telah direkodkan di sektor ini **[Paparan 4]**.

Paparan 5: Permintaan Buruh Sektor Perlombongan & Pengkuarian, ST4 2024 & ST4 2025



Bagi sektor **Perlombongan & Pengkuarian**, bilangan jawatan meningkat sebanyak 0.1 peratus tahun ke tahun, dengan merekodkan 81 ribu jawatan pada ST4 2025 (ST4 2024: 80 ribu). Daripada jumlah jawatan, 99.3 peratus atau bersamaan dengan 80 ribu jawatan diisi, sementara selebihnya 0.7 peratus (0.6 ribu) merupakan kekosongan jawatan. Selain itu, sektor ini merekodkan 0.2 ribu pewujudan jawatan, menurun 11.6 peratus tahun ke tahun pada suku ini **[Paparan 5]**.

Paparan 6: Permintaan Buruh Sektor Pembuatan, ST4 2024 & ST4 2025




Pada ST4 2025, sektor **Pembuatan** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.4 peratus tahun ke tahun, dengan sejumlah 2,538 ribu jawatan, iaitu pertambahan sebanyak 34 ribu jawatan (ST4 2024: 2,503 ribu). Sebanyak 95.4 peratus daripada jumlah tersebut merupakan jawatan diisi (2,422 ribu), manakala 4.6 peratus selebihnya adalah kekosongan (115.8 ribu).

Penyumbang utama prestasi jawatan dalam sektor Pembuatan adalah subsektor Produk elektrik, elektronik, & optikal dengan jumlah jawatan direkodkan sebanyak 667 ribu jawatan. Penyumbang kedua terbesar adalah subsektor Produk petroleum, kimia, getah, & plastik yang merekodkan 459 ribu jawatan pada suku ini. Subsektor Tekstil, pakaian & produk kulit mencatatkan kadar pengisian jawatan tertinggi pada 96.5 peratus, diikuti oleh subsektor Barangan mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka, Prosesan makanan, minuman & produk tembakau serta Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan pada 95.8 peratus. Manakala kadar jawatan diisi terendah direkodkan oleh subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal pada 94.6 peratus.



Sektor ini merekodkan 115.8 ribu kekosongan dengan subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal mencatatkan kadar kekosongan tertinggi sebanyak 5.4 peratus, diikuti oleh subsektor Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan pada 4.6 peratus. Bagi pewujudan jawatan pula, sektor ini merekodkan peningkatan ketara sebanyak 10.4 peratus tahun ke tahun bersamaan 12.1 ribu jawatan (ST4 2024: 11.0 ribu), terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal [Paparan 6].

Paparan 7: Permintaan Buruh Sektor Pembinaan, ST4 2024 & ST4 2025



Perbandingan dengan ST4 2024, sektor **Pembinaan** terus meningkat dengan stabil, mencatatkan pertumbuhan 0.4 peratus tahun ke tahun kepada 1,277 ribu jawatan pada suku ini. Kadar jawatan diisi adalah 98.1 peratus dengan 1,252 ribu jawatan diisi, manakala 1.9 peratus selebihnya merupakan kadar kekosongan berjumlah 24.8 ribu kekosongan jawatan. Selain itu, sektor ini turut merekodkan 3.1 ribu pewujudan jawatan pada suku tahun ini [Paparan 7].

Paparan 8: Permintaan Buruh Sektor Perkhidmatan, ST4 2024 & ST4 2025




Sektor **Perkhidmatan** merekodkan sejumlah 4,816 ribu jawatan, meningkat sebanyak 2.6 peratus tahun ke tahun, terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong & runcit. Daripada jumlah tersebut, 99.5 peratus (4,791 ribu) merupakan jawatan diisi dan 0.5 peratus selebihnya adalah kekosongan sebanyak 25.0 ribu.

Pada masa yang sama, semua subsektor dalam sektor Perkhidmatan merekodkan kadar jawatan diisi melebihi 99.0 peratus, dengan subsektor Makanan & minuman dan penginapan mencatatkan kadar tertinggi pada 99.8 peratus. Sebaliknya, subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan mempunyai kadar jawatan diisi terendah pada 99.1 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor ini turut merekodkan kadar kekosongan tertinggi sebanyak 0.9 peratus.

Sejumlah 15.4 ribu jawatan baharu diwujudkan dalam sektor Perkhidmatan, didahului oleh subsektor Perdagangan borong & runcit yang menyumbang 9.3 ribu pewujudan jawatan **[Paparan 8]**.

Paparan 9: Nisbah Kekosongan kepada Penganggur, ST1 2022 - ST4 2025




Paparan 9 menggambarkan nisbah kekosongan kepada penganggur dari ST1 2022 hingga ST4 2025. Nisbah tersebut menunjukkan peningkatan yang stabil, mencerminkan pasaran buruh yang semakin sengit di mana pencari kerja melebihi kekosongan jawatan. Bermula dari ST1 2022 (0.275), nisbah kekosongan kepada penganggur meningkat secara sederhana setiap suku tahun dan telah mencapai 0.383 pada ST4 2025. Trend nisbah ini didorong oleh peningkatan kekosongan daripada 184.3 ribu pada ST1 2022 kepada 198.1 ribu pada ST4 2025, dan penurunan bilangan penganggur daripada 671.2 ribu kepada 517.9 ribu dalam tempoh yang sama **[Paparan 9]**.

Introduction

This publication presents the labour demand statistics derived from the Quarterly Employment Survey conducted among registered private sector businesses encompassing major economic activities namely, Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services. The principal statistics of employment presented in this report are jobs, filled jobs, vacancies and jobs created by economic activity and skills category.

Concepts & Definitions


Labour demand indicates the total labour required by establishments to produce goods and services at a given point in time. The labour demand by establishments is classified into filled jobs and jobs vacancy. The concepts and definitions of the statistics on labour demand in this publication are as follows:



The details of concepts and definitions can be referred to in the technical notes on page 185 of this report.


Labour Demand in Malaysia

Chart 1: Jobs, Filled Jobs and Vacancies, Q1 2022 - Q4 2025



During the fourth quarter of 2025, the economic sector in Malaysia pursued a stable growth with the total number of jobs increasing by 1.8 per cent to 9,214 thousand, indicating an additional of 160 thousand jobs (Q4 2024: 9,054 thousand jobs). On quarterly basis, the number of jobs posted an increase of 0.6 per cent, up from 9,163 thousand in Q3 2025. Furthermore, the rate of filled jobs remained the same at 97.8 per cent which was equivalent to 9,016 thousand filled jobs. Likewise, the job vacancies rate stood at 2.2 per cent, representing 198 thousand vacancies [Chart 1].


Chart 2: Jobs Created, Q1 2022 - Q4 2025



The number of jobs created inched up by 2.2 per cent year-on-year posting 32.1 thousand jobs (Q4 2024: 31.5 thousand). On the contrary, jobs created marginally fall by 0.5 per cent on a quarterly basis, dropped from 32.3 thousand in Q3 2025 [Chart 2].

Labour Demand, Fourth Quarter of 2025


Exhibit 1: Labour Demand, Q4 2024 & Q4 2025



Analysing the overall labour demand in Q4 2025, all sectors contributing positively to the overall growth of jobs. The number of jobs comprising of filled jobs and vacancies stood at 9,214 thousand jobs (Q4 2024: 9,054 thousand). The number of filled jobs accounted for 9,016 thousand from the total jobs with a rate of 97.8, increased by 1.8 per cent on yearly basis (Q4 2024: 8,861 thousand). Simultaneously, the vacancy rate was 2.2 per cent with 198.1 thousand unfilled positions, rose from 193.6 thousand in Q4 2024. Along with the expansion of these indicators, jobs created also grew modestly by 2.2 per cent year-on-year, reaching 32.1 thousand jobs [Exhibit 1].

Labour Demand by Skills Category

Exhibit 2: Labour Demand by Skills Category, Q4 2024 & Q4 2025



This section highlights the composition and performance of jobs, filled jobs, job vacancies and jobs created across skills category in Q4 2025. .

The **skilled category** recorded 2,323 thousand jobs, reflecting an increase of 2.5 per cent on a yearly basis compared with 2,266 thousand jobs in Q4 2024. With a rate of 97.9 per cent, the number of filled jobs registered was 2,274 thousand whereas the remaining 2.1 per cent represents vacancy rate with a total of 48.7 thousand vacancies for this category. The number of jobs created registered a decline of 4.4 per cent year-on-year, making up to 8.1 thousand jobs created (Q4 2024: 8.4 thousand).


Meanwhile, the **semi-skilled category** dominated the number of jobs with 5,733 thousand jobs, an increase of 1.3 per cent year-on-year. A total of 98.1 per cent corresponding to 5,621 thousand jobs was filled and the remaining 1.9 per cent (111.3 thousand) were vacant for this category. Additionally, jobs created in this category increased by 5.2 per cent, equating to 20.7 thousand new jobs (Q4 2024: 19.7 thousand).

For the **low-skilled category**, the number of jobs rose by 2.6 per cent, registering 1,159 thousand jobs for this quarter (Q4 2024: 1,129 thousand). The filled jobs rate was 96.7 per cent with 1,120 thousand jobs were filled. Furthermore, the vacancies rate was 3.3 per cent which corresponds to 38.2 thousand vacancies. The number of jobs created for this category was 3.4 thousand, with an increase of 0.9 per cent year-on-year (Q4 2024: 3.3 thousand).

Moreover, by skills category, the distribution of labour demand was dominated by the semi-skilled category as this category covered over half of all the indicators, followed by the skilled and low-skilled categories. Semi-skilled category represented for 62.2 per cent of total jobs, 62.3 per cent of filled jobs, 56.2 per cent of vacancies and 64.5 per cent of jobs created. The skilled category followed as the second-largest contributor with 25.2 per cent of total jobs, 25.3 per cent of filled jobs, 24.6 per cent of vacancies and 25.1 per cent of jobs created. The low-skilled category recorded the smallest percentage share, contributing to 12.6 per cent of jobs, 12.4 per cent of filled jobs, 19.2 per cent of vacancies and 10.4 per cent of jobs created [**Exhibit 2**].

Labour Demand by Economic Activity

Exhibit 3: Labour Demand by Economic Activity, Q4 2025




Analysing the labour demand by economic activity, the Services sector led with the highest share of total **jobs**, representing 52.3 per cent (4,816 thousand), followed by Manufacturing at 27.5 per cent (2,538 thousand). The Construction sector contributed 13.9 per cent of jobs (1,277 thousand), while Agriculture accounted for 5.5 per cent (502 thousand) jobs. The Mining & Quarrying sector had the smallest share of 0.8 per cent (81 thousand).

Similarly, the Services sector continued to lead the **filled jobs** with 53.1 per cent (4,791 thousand) followed by the Manufacturing and Construction with 26.9 per cent (2,422 thousand) and 13.9 per cent (1,252 thousand) of filled jobs, respectively. The Agriculture sector amounted to 5.2 per cent share (470 thousand) while the Mining & Quarrying at 0.9 per cent with 80 thousand filled jobs.

The largest share of job **vacancies** was posted by the Manufacturing sector, which accounted for 115.8 thousand vacancies (58.4%) and remained substantial to the labour demand. The Agriculture sector recorded 16.2 per cent (32.0 thousand) share of vacancies followed by Services (12.6%; 25.0 thousand) and Construction (12.5%; 24.8 thousand). Mining & Quarrying sector covered the remaining 0.3 per cent (0.6 thousand) of vacancies


Furthermore, Services sector again topped the list for **jobs created** for this quarter, encompassing 47.9 per cent (15.4 thousand) while the Manufacturing sector with 37.7 per cent (12.1 thousand), followed by Construction (9.6%; 3.1 thousand), Agriculture (4.2%; 1.4 thousand) and Mining & Quarrying (0.6%; 0.2 thousand) [Exhibit 3].

Exhibit 4: Labour Demand of Agriculture Sector, Q4 2024 & Q4 2025





The number of jobs in **Agriculture** sector marked a slight increase of 0.2 per cent year-on-year, totalling to 502 thousand jobs in Q4 2025. Meanwhile, the number of filled jobs also grew marginally by 0.1 per cent to 470 thousand, reflecting a filled jobs rate at 93.6 per cent. Job vacancies rose by 0.4 per cent on yearly basis, posting 32.0 thousand vacancies in Q4 2025 (Q4 2024: 31.9 thousand). A total of 1.4 thousand jobs created were recorded for this sector [Exhibit 4].

Exhibit 5: Labour Demand of Mining & Quarrying Sector, Q4 2024 & Q4 2025



For **Mining & Quarrying** sector, the number of jobs increase by 0.1 per cent year-on-year to record 81 thousand jobs in Q4 2025 (Q4 2024: 80 thousand). From the total jobs, 99.3 per cent or equivalent to 80 thousand was filled, while the remaining 0.7 per cent (0.6 thousand) still vacant. Furthermore, this sector created 0.2 thousand new jobs, experiencing a 11.6 per cent year-on-year decline for this quarter [Exhibit 5].

Exhibit 6: Labour Demand of Manufacturing Sector, Q4 2024 & Q4 2025




In Q4 2025, the **Manufacturing** sector registered a growth of 1.4 per cent year-on-year, standing at a total of 2,538 thousand jobs with an additional of 34 thousand jobs (Q4 2024: 2,503 thousand). 95.4 per cent of the total were filled jobs (2,422 thousand) and the other 4.6 per cent were vacancies (115.8 thousand).

The jobs performance in Manufacturing sector was mainly contributed by the *Electrical, electronic & optical products* sub-sector, with a total number of jobs recorded was 667 thousand. Then, as the second largest contributor, the *Petroleum, chemical, rubber & plastic products* sub-sector recorded 459 thousand jobs for this quarter. The *Textiles, wearing apparel & leather products* sub-sector contributed the most in the filled jobs rate with 96.5 per cent, followed by the *Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products*, *Food processing, beverages & tobacco products* and *Transport equipment, other manufacturing & repair* sub-sectors at 95.8 per cent. In comparison, the lowest filled jobs rate was in the *Electrical, electronic & optical products* sub-sector with 94.6 per cent.



This sector recorded 115.8 vacancies where the *Electrical, electronic & optical products* sub-sector held the largest vacancy rate at 5.4 per cent, followed by the *Wood products, furniture, paper products & printing* sub-sector with 4.6 per cent. As for the jobs created, this sector registered a significant increase of 10.4 per cent year-on-year, equivalent to 12.1 thousand jobs created (Q4 2024: 11.0 thousand), mainly in the *Electrical, electronic & optical products* sub-sector [Exhibit 6].

Exhibit 7: Labour Demand of Construction Sector, Q4 2024 & Q4 2025



Compared with Q4 2024, the **Construction** sector continued to rise steadily, registering a 0.4 per cent year-on-year growth to 1,277 thousand in this quarter. The filled jobs rate stood at 98.1 per cent, totalling to 1,252 thousand filled jobs, while the remaining 1.9 per cent was the vacancy rate with 24.8 thousand vacancies. Additionally, this sector also recorded 3.1 thousand jobs created for this quarter [Exhibit 7].

Exhibit 8: Labour Demand of Services Sector, Q4 2024 & Q4 2025



Services sector registered a total of 4,816 thousand jobs, an increase by 2.6 per cent year-on-year primarily in the Wholesale & retail trade sub-sector. From the total jobs, 99.5 per cent (4,791 thousand) were filled jobs and the remaining 0.5 per cent were job vacancies with 25.0 thousand.

On the other hand, all sub-sectors in Services sector recorded filled jobs rate more than 99.0 per cent with the Food & beverages and accommodation sub-sector registered the highest rate at 99.8 per cent. On the contrary, the Finance, insurance, real estate & business services sub-sector had the lowest filled jobs rate at 99.1 per cent. However, this sub-sector recorded the highest vacancy rate at 0.9 per cent.

A total of 15.4 thousand new jobs were created in the Services sector, led by the Wholesale & retail trade sub-sector, which contributed 9.3 thousand jobs created [Exhibit 8].

Exhibit 9: Vacancies to Unemployed Ratio, Q1 2022 - Q4 2025




Exhibit 9 illustrates the **vacancies-to-unemployed ratio** from Q1 2022 to Q4 2025. The ratio showed a stable rise, signifying a tightening labour market demand where jobseekers exceed the vacancies. Since Q1 2022 (0.275), the vacancies-to-unemployed ratio grew modestly by each quarter and reached 0.383 in Q4 2025. The ratio trend was led by the increase of job vacancies from 184.3 thousand in Q1 2022 to 198.1 thousand in Q4 2025, and the downward trend of the number of unemployed persons, falling from 671.2 thousand to 517.9 thousand over the same period [Exhibit 9].

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

JADUAL TABLES



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

Aktiviti Ekonomi <i>Economic Activity</i>		2022	2023	2024	2025 ^P
1	Jumlah <i>Total</i>				
1.1	Jawatan <i>Jobs</i>	8,755.6	8,935.1	9,054.2	9,214.4
1.2	Jawatan Diisi <i>Filled Jobs</i>	8,563.2	8,744.9	8,860.7	9,016.3
1.3	Kekosongan <i>Vacancies</i>	192.4	190.2	193.6	198.1
1.4	Pewujudan Jawatan <i>Jobs Created</i>	116.65	126.47	127.24	129.57
2	Pertanian <i>Agriculture</i>				
2.1	Jawatan <i>Jobs</i>	479.8	495.5	501.5	502.3
2.2	Jawatan Diisi <i>Filled Jobs</i>	448.1	464.5	469.6	470.3
2.3	Kekosongan <i>Vacancies</i>	31.7	31.1	31.9	32.0
2.4	Pewujudan Jawatan <i>Jobs Created</i>	5.97	6.17	5.21	5.27
